

08 Jun, 2022

### **Keadaan Kualiti Udara di Malaysia**

#### **Kesan pencemaran udara ke atas kesihatan dan ekonomi**

**KUALA LUMPUR:** Kajian baru oleh The Centre for Research on Energy and Clean Air (CREA) dan Greenpeace Malaysia mendapati dianggarkan 32,000 kematian yang boleh dielakkan berlaku di Malaysia setiap tahun akibat pencemaran udara. Laporan terkini menunjukkan bahawa kesan pendedahan jangka panjang kepada kualiti udara tercemar terhadap kesihatan manusia adalah lebih buruk daripada yang dianggarkan sebelum ini.

**Kesan kepada kesihatan mempunyai kos ekonomi** yang sepadan dalam bentuk perbelanjaan untuk penjagaan kesihatan dan perubatan serta kerugian dalam produktiviti ekonomi berikutan kematian pramatang. Anggaran kos ekonomi tahunan bagi pencemaran udara ambien di Malaysia dianggarkan sebanyak MYR 303 bilion (US\$ 73 bilion) — atau 20% daripada KDNK negara pada 2019.

**Sumber pencemaran udara di Malaysia.** Sumber pelepasan pencemaran udara di Malaysia yang semakin meningkat daripada sumber perindustrian, penjana kuasa, kenderaan, dan aktiviti pembakaran terbuka. Selain itu, pembakaran biojisim dan kebakaran hutan di negara ini dan di negara jiran menyumbang kepada kejadian jerebu rentas sempadan bermusim yang sering menyebabkan peningkatan pencemaran udara dari Julai hingga Oktober. Walau bagaimanapun, fenomena itu yang punca utamanya — pembakaran tanah gambut di Indonesia, yang mana syarikat Malaysia menyumbang dan mendapat manfaatnya — belum ditangani dengan secukupnya.

Malaysia semakin maju dalam meningkatkan kualiti udaranya sejak beberapa tahun kebelakangan ini, tetapi perlu mempunyai sasaran dan dasar yang lebih bercita-cita tinggi untuk udara yang lebih bersih. Pada September 2021, World Health Organization (WHO) mengemas kini garis panduan kualiti udara ambien yang disyorkan buat kali pertama sejak 2005. Adalah penting bagi Malaysia untuk menyemak semula piawaiannya sendiri, selaras dengan WHO kerana penambahbaikan terhadap kualiti udara boleh menghasilkan manfaat kesihatan dan penjimatan ekonomi yang besar untuk negara.

**CREA Penganalisis Asia Tenggara Isabella Suarez menjelaskan yang laporan ini mendapati bahawa:**

- Memenuhi Garis Panduan WHO 2021 yang baru untuk bahan zarah halus (PM2.5) dan nitrogen oksida (NOx) akan **menyelamatkan 22,000 nyawa setahun**. **Kesan lain** seperti hari sakit yang diambil akibat penyakit berkaitan pencemaran udara, berat lahir rendah dan kelahiran pramatang, dan tahun hidup kurang upaya, **akan dikurangkan lebih daripada 75%**. Dengan garis panduan WHO 2021, kos ekonomi untuk rakyat Malaysia akan

dikurangkan sebanyak satu pertiga setiap tahun, **menjimatkan MYR 212 bilion (US\$ 51 bilion) dalam kos berkaitan pencemaran udara setahun.**

- Setiap pengurangan pencemaran udara akan memberi manfaat kesihatan dan penjimatan ekonomi. Penambahbaikan kualiti udara tidak berlaku dalam sekelip mata jadi sasaran sementara adalah batu loncatan dan alat yang penting untuk memastikan penggubal dasar bertanggungjawab. Memenuhi nilai garis panduan WHO 2005 sudah pun mengurangkan kematian pramatang sebanyak 38% setiap tahun, **menyelamatkan 12,200 nyawa setahun** berbanding dengan pencemaran udara pada tahap semasa yang diperhatikan. Penjimatan ekonomi daripada kualiti udara yang bertambah baik juga akan menjadi besar: **Anggaran MYR 124 bilion (AS\$ 30 Bilion) setahun akan dapat dijimatkan jika kualiti udara di Malaysia memenuhi Garis Panduan WHO 2005.**

**Menurut Jurukenyataan Greenpeace Malaysia Heng Kiah Chun, cadangan utama untuk kerajaan Malaysia termasuk:**

- Kementerian Alam Sekitar dan Air Malaysia harus mengukuhkan kesihatan awam dan kesihatan ekosistem sebagai objektif utama dalam **rangka kerja tadbir urus kualiti udaranya**, serta menambah pertimbangan kos ekonomi bagi piawaian kualiti udara yang buruk.
- Jadikan piawaian kualiti udara ambien **mengikat secara sah, terikat dengan garis masa, dan boleh dikuatkuasakan**, dengan proses semakan tetap yang mengemas kini piawaian agar sejajar dengan panduan global dan pengetahuan saintifik terkini. Ini bermakna piawaian kualiti udara ambien yang dimandatkan secara sah mesti diterapkan dalam perundangan kualiti udara utama Malaysia, supaya piawaian ini diinstitusikan dan diberi kepentingan yang sewajarnya dalam mengimbangi keutamaan sosio-ekonomi.
- Memperkukuh tadbir urus standard kualiti udara ambien melalui **ketelusan, akses kepada maklumat, penyertaan awam dan akauntabiliti** dengan keperluan untuk penilaian antara disiplin dan input kesihatan awam pakar dalam menetapkan dan mengemas kini piawaian.

**Pakar Kesihatan Awam Dr. Khor Swee Kheng mengembangkan penemuan dan cadangan dari perspektif pencemaran udara dan implikasinya terhadap kesihatan:**

- PM 2.5 daripada pencemaran udara, apabila disedut, masuk ke dalam aliran darah dan kekal di dalam badan dan sistem peredaran darah yang menjejaskan:
  - **Paru-paru** melalui contohnya penyakit pulmonari obstruktif kronik, asma, dan sesak nafas sebagai manifestasi pertama; risiko **serangan jantung** dan strok yang lebih tinggi; **risiko kanser**, biasanya kanser pernafasan atau saluran penghadaman termasuk kanser paru-paru, kanser testis dan bronkus; **memburukkan pelbagai penyakit kulit** seperti psoriasis; dan akhirnya, **kesihatan mental**, dan ini sangat mudah untuk diterangkan tetapi sangat sukar untuk diukur bilangan orang yang mengalami kebimbangan atau kemurungan akibat daripada pencemaran udara.
- Terdapat kedua-dua kos penjagaan kesihatan langsung seperti rawatan perubatan, tetapi terdapat juga kos penjagaan kesihatan tidak langsung seperti ketidakhadiran dan pengurangan produktiviti kerja.
- Kita memerlukan kehendak politik dan terdapat dua elemen yang boleh dipertimbangkan, menggunakan pandemik Covid sebagai peluang untuk mengutamakan, termasuk **penilaian impak kesihatan (HIA)** bersama penilaian kesan alam sekitar (EIA), serta **piawaian pengudaraan** untuk peningkatan kualiti udara dalaman.

Baca laporan penuh di sini: [CREA Website](#) || [Greenpeace Malaysia Website](#)

## PENCERAMAH

**Isabella Suarez | Southeast Asia Analyst | The Centre for Research on Energy and Clean Air (CREA) | [www.energyandcleanair.org](http://www.energyandcleanair.org)**

CREA merupakan organisasi penyelidikan bebas yang memfokuskan pada arah aliran, sumber dan penyelesaian kepada pencemaran udara yang berkaitan dengan tenaga. Kerja Isabella meliputi peralihan tenaga dan dasar udara bersih yang berterusan, serta pembangunan strategik dan pembinaan kapasiti di rantau ini.

**Heng Kiah Chun | Campaigner | Greenpeace Malaysia | [www.greenpeace.org/malaysia/](http://www.greenpeace.org/malaysia/)**

Greenpeace Malaysia ialah NGO yang menyiasat, mendokumenkan dan mendedahkan masalah alam sekitar global dan tempatan untuk membangunkan penyelesaian dan membawa perubahan. Heng kini sedang mengusahakan isu jerebu domestik dan rentas sempadan, melobi untuk penyelesaian dan cadangan untuk udara bersih, bebas jerebu sebagai hak asasi manusia. Sebelum ini dia bekerja untuk menyiasat dan mendedahkan isu dengan perdagangan sisa plastik diimport di Malaysia.

**Dr. Khor Swee Kheng | Public Health Expert in Malaysia**

Dr. Khor ialah seorang doktor di Malaysia dengan pengalaman antarabangsa dalam sektor awam, swasta, organisasi bukan untung dan badan pemikir. Pada masa ini, Dr. Khor pakar dalam sistem & dasar kesihatan dan kesihatan global, mengadakan persekutuan di Chatham House, United Nations University (UNU-IIGH) dan Institut Kajian Strategik & Antarabangsa (ISIS Malaysia). Sebelum ini, Dr. Khor memegang peranan pengamal kanan secara progresif dalam perubatan klinikal, bantuan refugee & bencana, penyelidikan klinikal dan anti-rasuah farmasi.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Yvonne Nathan</b> <a href="mailto:yvonne.nathan@greenpeace.org">yvonne.nathan@greenpeace.org</a> +6017-6628306 Greenpeace Malaysia Digital and Media Campaigner	<b>Heng Kiah Chun</b> <a href="mailto:heng.kiah.chun@greenpeace.org">heng.kiah.chun@greenpeace.org</a> +60 16-319 8278 Greenpeace Malaysia Campaigner	<b>Isabella Suarez</b> <a href="mailto:isabella@energyandcleanair.org">isabella@energyandcleanair.org</a> Centre for Research on Energy and Clean Air (CREA) Southeast Asia Analyst
--	---	--